

TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM

Peristiwa rusuhan antara kaum tercetus di negara kita pada **13 Mei 1969**.

Rusuhan tercetus beberapa hari setelah diadakan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969.

Keputusan pilihan raya tersebut menyebabkan berlakunya **ketegangan** antara penyokong parti politik yang memprovokasi keadaan.

Situasi sedemikian mencetuskan rusuhan antara kaum di negara kita.

Rusuhan yang berlaku lebih bertumpu di kawasan Kuala Lumpur, Selangor dan kawasan sekitarnya.



Rusuhan Kaum

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya rusuhan kaum tersebut.

Antara faktor tersebut ialah:

- (a) Kesan daripada ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial di negara kita berikutan dasar penjajahan British.
- (b) Keadaan dan keputusan Pilihan Raya Umum Ketiga 1969 merupakan faktor pencetus:
 - (i) Ketegangan bermula dengan kempen pilihan raya.
 - (ii) Terdapat parti politik mengeksploitasi isu yang menyentuh sensitiviti perkauman semasa berkempen.
- (c) PKM mengambil kesempatan semasa pilihan raya untuk mempengaruhi penduduk supaya bermusuhan antara kaum supaya negara menjadi tidak stabil.
- (d) Parti yang bertanding berkempen dengan menggunakan sentimen perkauman dan keagamaan untuk mendapat sokongan pengundi.
- (e) Perarakan kemenangan pilihan raya yang tidak terkawal menimbulkan kekacauan dan perbuatan provokatif.



Langkah Diambil

- **Peristiwa 13 Mei 1969 mengakibatkan ketegangan antara kaum.**
- **Kerajaan telah mengambil langkah serta merta bagi mengelakkan kekacauan dan menghentikan rusuhan serta menghalang daripada merebak ke bandar-bandar lain.**

Darurat

- (i) Pengisytiharan perintah darurat dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong di seluruh negara pada 16 Mei 1969.
- (ii) Antara perkara yang diputuskan ialah:
 - Perlembagaan digantung dan Parlimen ditangguh.
 - Pusat Perlindungan diwujudkan di beberapa tempat semasa darurat.
 - Perintah Berkurung dikuatkuasakan oleh pihak polis.
 - Jawatankuasa Bertugas ditubuhkan untuk menyusun semula perkhidmatan penerangan kerajaan.
 - Semua berita daripada pihak media ditapis bagi memastikan kesahihannya.
 - Kerajaan memastikan bekalan makanan diagihkan kepada penduduk terutamanya di Pusat Perlindungan.
 - Mangsa rusuhan dipindahkan ke Pusat Perlindungan yang ditempatkan di Stadium Merdeka dan Tiong Nam Settlement.
 - Kawasan Kampung Baru dipasang pagar oleh pihak berkuasa dan dijadikan kawasan perintah berkurung yang besar.
 - Penduduk diberi perlindungan di beberapa kem tentera.

Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)

- (i) Yang di-Pertuan Agong memperkenalkan penubuhan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
- (ii) MAGERAN dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein.
- (iii) Ahli MAGERAN terdiri daripada:
 - Pegawai tinggi polis
 - Pegawai tinggi tentera
 - Pegawai perkhidmatan awam
- (iv) Semasa Darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971, MAGERAN diberi kuasa berikut:
 - Menjalankan pemerintahan negara.
 - Bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara.